Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank

Oleh Fann Shar Linn dan Vincent Ang


Landskap kewangan Malaysia telah melalui transformasi beberapa dekad yang lalu yang dicirikan oleh pasaran yang lebih mendalam dan aktif, ekonomi yang lebih terbuka dan peserta pasaran yang semakin canggih. Secara kolektif, perubahan ini telah meninggalkan kesan yang ketara terhadap struktur pendanaan bank, ciri mudah tunai pasaran dan pendekatan yang diamalkan oleh bank dalam mengurus risiko yang berkaitan. Berikutan pengurusan risiko mudah tunai yang kini lebih dinamik, penunjuk yang lazim digunakan untuk menentukan kestabilan pendanaan berbanding dengan pertumbuhan aset perlu dikaji semula. Rencana ini meninjau isu ini dan langkah-langkah yang telah diambil oleh bank secara progresif untuk menyesuaikan amalan pengurusan risiko mudah tunai dengan persekitaran pasaran yang kian berubah.

Sehingga awal tahun 2000-an, sumber utama pendanaan bank ialah deposit pelanggan (daripada segmen borong dan runcit). Menjelang alaf baharu, deposit pelanggan mencakupi 82% daripada jumlah liabiliti pendanaan dalam sistem perbankan. Keadaan ini sebahagiannya mencerminkan kadar simpanan yang tinggi pada masa itu, yang berpurata 36.6% daripada jumlah pendapatan negara kasar (PNK) sepanjang tahun 1990-an (2016: 28.8% daripada PNK). Pilihan pelaburan, terutamanya untuk pendeposit runcit, juga secara relatifnya terhad. Antara tahun 2000 hingga 2005, saiz purata pasaran amanah saham/pengurusan aset ialah 13.8% daripada jumlah aset kewangan mudah tunai, berbanding dengan 23.5% pada akhir tahun 2016. Selain itu, aset perbankan pada masa itu lebih besar dan sukar untuk dicairkan, sebahagian besarnya (34% daripada jumlah aset) terdiri daripada pinjaman korporat dengan tempoh tunggu hasil yang panjang.

Keadaan ini jauh berbeza dengan ciri struktur aset dan liabiliti bank pada masa ini, yang mengalami perubahan ketara berikutan tiga perkembangan penting dalam sistem kewangan. Pertama, pasaran modal Malaysia telah berkembang pesat dari segi jumlah dan kedalaman. Perkembangan ini telah membolehkan institusi kewangan dan pelabur mempelbagaikan strategi portfolio pendanaan dan pelaburan mereka, menerusi pengembangan sumber pendanaan dari pasaran bon dan ekuiti (Rajah 1 dan Rajah 2). Antara tahun 2010 hingga 2016, pasaran bon korporat di Malaysia berkembang pada kadar tahunan 9%. Pada tempoh yang sama, pasaran ekuiti berkembang 11% setahun dari segi permodalan pasaran. Kedua, integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih pesat telah

Rajah 1

Sistem Perbankan: Komposisi Sumber Pendanaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Sistem Perbankan: Modal dan Peminjaman Jangka Panjang



Sumber: Bank Negara Malaysia

memperkukuh kehadiran bank-bank Malaysia di rantau ini sejajar dengan peningkatan hubungan perdagangan antara negara Asia. Aset bank Malaysia di luar negara berkembang pada kadar tahunan terkompaun sebanyak 16% bagi tempoh 2012 hingga 2016. Aliran pelaburan langsung asing dan integrasi kewangan yang berterusan juga telah meluaskan peranan dan fungsi bank di dalam dan di luar negara. Perkembangan ini telah memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada bank untuk mengurus risiko mudah tunai, disokong oleh inovasi dalam produk kewangan dan pengurusan risiko. Akhir sekali, semua perubahan ini berlatarkan pengguna kewangan yang mempunyai nilai kekayaan yang tinggi dan lebih canggih, dan berupaya membuat pilihan kewangan optimum menerusi peningkatan penawaran produk kewangan dan ekonomi yang semakin bersifat digital. Semua ini, di samping simpanan yang lebih rendah dan aktivisme pengguna yang lebih tinggi, telah mengurangkan kestabilan deposit pelanggan berbanding dengan sumber dana lain dan menyumbang kepada peralihan secara beransur-ansur ke arah sumber pendanaan yang lebih meluas untuk bank-bank.

Penunjuk Risiko Mudah Tunai

Keberkesanan nisbah pinjaman kepada deposit (loan-to-deposit ratio, LDR) sebagai penunjuk risiko mudah tunai bergantung pada keadaan apabila (i) deposit adalah nyata lebih stabil; dan (ii) sebahagian besar aset bank terdiri daripada pinjaman yang besar dan tidak mudah cair. LDR yang tinggi boleh menandakan kemungkinan bank telah mengambil lebih banyak risiko mudah tunai dengan mengembangkan portfolio pinjaman lebih pantas daripada keupayaan mendapatkan pendanaan pinjaman melalui deposit. Namun begitu, LDR kini memberikan gambaran risiko mudah tunai dalam konteks yang amat terhad. Khususnya, LDR tidak menggambarkan peningkatan kepelbagaian sumber dan tempoh pendanaan sejajar dengan pertumbuhan pinjaman. Dalam hal ini, LDR akan menunjukkan anggaran yang berlebihan berhubung dengan risiko mudah tunai.

Andaian asas LDR, iaitu deposit merupakan bentuk pendanaan yang stabil, tidak lagi benar untuk semua jenis pendeposit memandangkan mereka kini lebih canggih, sensitif kepada kadar hasil dan mempunyai pilihan pelaburan yang lebih meluas sejak kebelakangan ini. Kemajuan teknologi juga telah memainkan peranan penting dalam mempercepat mobiliti dana deposit, terutamanya menerusi pengurangan kos pemindahan dana, serta akses kepada maklumat berkaitan produk yang lebih baik dan lebih segera untuk pengguna kewangan yang mempengaruhi keputusan simpanan dan pelaburan mereka. Rangka kerja dan nisbah risiko mudah tunai yang lebih terkini membolehkan penilaian yang lebih teliti dibuat dengan mengambil kira kepelbagaian ciri dalam kalangan pendeposit, yang akan dibincangkan selanjutnya dalam rencana ini.

Dari segi aset, LDR tidak mengambil kira kepelbagaian jenis pinjaman, sekuriti dan pelaburan lain yang merupakan ciri biasa kunci kira-kira kebanyakan bank pada masa ini. Meskipun pinjaman masih merupakan komponen aset yang besar, kebolehan untuk mengambil kira dan menilai mudah tunai pinjaman dan aset lain adalah penting. Kewujudan pasaran sekunder yang disokong oleh perkembangan pasaran pensekuritian membolehkan bank-bank mengukuhkan kedudukan mudah tunai mereka melalui pelarasan pada komponen aset, berbanding dengan kebergantungan pada komponen liabiliti yang diandaikan oleh LDR. Kebergantungan pada pinjaman sebagai satu-satunya proksi keperluan pendanaan boleh mengurangkan keberkesanan LDR sebagai pengukur risiko mudah tunai, termasuk terkurang anggaran (underestimation) risiko yang disebabkan oleh obligasi luar kunci kira-kira.


Menyedari perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh dan terperinci, Bank telah memperkenalkan Rangka Kerja Mudah Tunai (Liquidity Framework, LF) pada tahun 1998. LF menghendaki bank-bank mengunjurkan aliran tunai mereka sehingga setahun dengan menentukan kematangan kontraktual dan kematangan kelakuan aset, liabiliti dan item luar kunci kira-kira. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai transformasi tempoh matang yang dijalankan oleh sesebuah bank dan memberikan amaran sekiranya wujud jurang tempoh matang yang besar. Bagi memastikan bank mempunyai penampan pendanaan yang mencukupi andai kata berlakunya tekanan mudah tunai dalam tempoh yang singkat, rangka kerja ini menguatkuasakan keperluan lebihan mudah tunai bersih minimum sebanyak 3% untuk tempoh matang sehingga 1 minggu, dan 5% untuk kelompok tempoh matang satu minggu hingga satu bulan. Selain itu, LF mentakrifkan ‘aset mudah tunai’ sebagai aset yang dianggap memiliki kualiti yang mencukupi untuk dijual tanpa menyebabkan kerugian besar dari segi nilai, meskipun dalam keadaan tekanan.

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) merupakan satu komponen dalam pembaharuan pengawalseliaan Basel III yang berlandaskan konsep asas LF. Piawaian LCR, yang telah dikuatkuasakan di Malaysia sejak bulan Jun 2015, memastikan bank mempunyai aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) yang mencukupi untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam persekitaran tekanan yang teruk selama 30 hari. Andaian yang digunakan untuk senario ini dimodelkan berdasarkan pemerhatian terhadap krisis kewangan global pada tahun 2008. LCR mengambil kira lebih banyak faktor yang boleh menjejaskan kestabilan pendanaan, berbanding dengan LF. Antaranya termasuk jenis rakan niaga, tempoh urus niaga, dan ciri penebusan produk tertentu. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, peningkatan kestabilan deposit adalah lebih berhubung kait dengan peningkatan dalam LCR berbanding dengan LDR. Sebaliknya, HQLA, yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti aset mudah tunai di bawah LF, dibahagikan kepada tiga kategori mengikut mutu dan potensi nilai mudah tunai dalam keadaan tekanan. Aset dikategorikan berdasarkan ciri seperti penarafan kredit, kemudahan dan kepastian penilaian serta saiz dan jumlah pasaran aset yang tertentu.

LCR akan menjadi penunjuk mudah tunai yang penting apabila pasaran semakin biasa dengan asas-asas konsep LCR. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa amalan penzahiran yang tidak konsisten merentas negara menjejaskan kebolehbandingan (comparability) LCR, lalu mengehadkan penggunaan LCR secara meluas oleh peserta pasaran dan agensi penarafan. Meskipun isu ini dijangka tidak lagi wujud pada masa hadapan, Bank menyedari akan perlunya nisbah yang mudah dan diyakini. Oleh itu, Bank telah menerbitkan nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (loan-to-fund-and-equity, LTFE)

Rajah 3

Perbandingan Antara LDR dengan LCR: Kepekaan kepada Kestabilan Deposit



Nota: Sampel yang digunakan untuk rajah di atas merupakan 20 bank yang terbesar di Malaysia mengikut saiz deposit, yang setiap satu bank diwakili oleh satu bulatan. Bulatan yang berlorek mewakili peningkatan nilai LDR atau LCR, manakala bulatan yang kosong mewakili penurunan nilai LDR atau LCR. Saiz setiap bulatan mewakili saiz perubahan nisbah-nisbah tersebut antara bulan Disember 2015 dan bulan Disember 2016. "Kestabilan Deposit (%)" ialah perbezaan dalam pergerakan bulanan purata bagi jumlah deposit antara tahun 2015 dan tahun 2016. Pergerakan selari paksi-x dari arah kiri ke kanan mewakili kestabilan deposit yang semakin meningkat.
Rajah ini menunjukkan bahawa kestabilan deposit mempunyai korelasi yang lebih rapat dengan LCR berbanding dengan LDR. Ini ditunjukkan oleh perbezaan tumpuan bulatan hijau dan jingga: Bulatan hijau (berlorek) lebih tersebar di seluruh spektrum paksi-x, menunjukkan hubungan yang lemah antara LDR dengan kestabilan deposit. Bulatan jingga (berlorek) pula tertumpu pada bahagian kanan paksi-x, maka menunjukkan korelasi yang lebih tinggi antara peningkatan LCR dengan peningkatan kestabilan deposit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2015 untuk memberikan gambaran yang lebih tepat berhubung dengan perubahan penting struktur pendanaan bank pada tahun-tahun kebelakangan ini yang telah menyebabkan LDR tidak lagi tepat. Nisbah-nisbah ini, yang disiarkan dalam Perkembangan Monetari dan Kewangan yang diterbitkan oleh Bank setiap bulan, menambah baik LDR sebagai ukuran mudah tunai dengan mencerminkan sumber pendanaan bank yang lebih luas. Nisbah-nisbah ini boleh dikira dengan mudah menerusi maklumat kewangan yang sedia ada mengenai sesebuah bank. LTF turut mengambil kira terbitan hutang manakala LTFE mengembangkannya lagi dengan memasukkan ekuiti.

Pada masa hadapan, Bank merancang untuk memperkenalkan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR), iaitu pelengkap kepada LCR di bawah pembaharuan Basel III berkaitan dengan mudah tunai. Sama seperti LF, NSFR memberikan unjuran profil tempoh matang untuk satu tahun bagi aset dan liabiliti dalam keadaan perniagaan yang biasa. NSFR menambah baik LF dengan menganggarkan jumlah pendanaan stabil yang diperlukan oleh bank untuk membiayai pelbagai aset serta komponen luar kunci kira-kira, bergantung pada faktor seperti kualiti aset, tempoh urus niaga, jenis rakan kongsi, tempoh bebanan dan kemungkinan memenuhi obligasi bukan kontraktual (non-contractual).

Apabila pasaran semakin faham dan biasa dengan penunjuk risiko mudah tunai yang lebih baik seperti LCR dan NSFR, ia akan mewujudkan rangka kerja yang lebih mantap untuk memberikan maklumat berhubung dengan risiko mudah tunai. Bank akan terus menambah baik data yang diterbitkan secara berkala bagi mengambil kira perkembangan ini untuk memaklumkan pasaran mengenai mudah tunai dengan lebih tepat dan menyeluruh.

Amalan Pengurusan Risiko Mudah Tunai

Penggunaan penunjuk risiko mudah tunai perlu difahami dalam konteks amalan pengurusan risiko mudah tunai sesebuah bank. Ini merupakan matlamat utama penambahbaikan keperluan penzahiran pengurusan risiko mudah tunai yang merupakan sebahagian daripada maklumat penting yang perlu dimasukkan dalam penyata kewangan bank.

Pemerhatian yang lebih teliti ke atas amalan bank-bank di Malaysia mendapati bahawa mereka telah mengukuhkan prosedur dalaman, amalan dan sistem masing-masing sejak beberapa tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan daya tahan institusi terhadap risiko mudah tunai. Ini termasuk penambahbaikan dalam bidang tadbir urus, ujian tekanan, rancangan pendanaan kontingensi (contingency funding plan, CFP) dan penentuan harga pemindahan dana (funds transfer pricing, FTP).

Dari segi tadbir urus, lembaga pengarah dan pengurusan kanan bank telah mengambil pendekatan yang lebih berpandangan jauh dan komprehensif bagi mengurus risiko mudah tunai. Antaranya termasuk penentuan kesanggupan mengambil risiko dan strategi mudah tunai yang mengambil kira isu mudah tunai yang baharu, kesalinghubungan risiko mudah tunai dengan risiko bidang lain (contohnya, kredit, pasaran dan reputasi) serta kesan tindakan bank tersebut yang mungkin ada pada risiko sistemik yang lebih meluas. Perkara ini telah menambah baik pengubahsuaian dan sensitiviti kesanggupan mengambil risiko dalaman, seterusnya meningkatkan kebolehan bank untuk bertindak balas terhadap perkembangan pasaran yang teruk.

Berbanding dengan dekad sebelum ini, FTP kini menjadi amalan lazim di seluruh industri. Amalan ini banyak menyumbang kepada integrasi pengurusan risiko mudah tunai dalam operasi harian bank. Berdasarkan pemerhatian melalui penyeliaan, bank-bank yang lebih besar khususnya telah mencapai kemajuan yang ketara dalam menambah baik keperincian dan kepekaan metodologi penentuan harga. Amalan terbaik FTP mengambil kira penentuan harga mudah tunai yang dibeza-bezakan mengikut pelbagai ukuran kestabilan pendanaan dan kualiti aset. Secara keseluruhan, amalan sebegini telah membolehkan bank-bank melaksanakan sistem insentif yang lebih baik dengan memberikan ganjaran kepada unit perniagaan yang berupaya mendapatkan pendanaan stabil dan mengenakan caj yang sewajarnya terhadap mereka yang menjana aset yang sukar dicairkan.

Ujian tekanan mudah tunai dalaman juga telah menunjukkan penambahbaikan yang ketara berbanding dengan analisis sensitiviti asas pada masa lalu. Bank-bank semakin canggih dalam pendekatan mereka untuk mengenal pasti risiko mudah tunai yang mungkin berlaku, terutamanya risiko yang unik kepada operasi perbankan tertentu. Lazimnya, kejadian begini jarang-jarang berlaku tetapi boleh menyebabkan kesan yang teruk. Ujian tekanan yang dijalankan oleh bank kini dibentuk berdasarkan pelbagai andaian yang menggabungkan kejadian yang khusus kepada bank tertentu, gangguan teruk dalam pasaran bank tersebut beroperasi dan dalam pasaran lain yang berkait, serta kesan kejutan pusingan kedua. Bank-bank juga telah menambah baik penggunaan hasil ujian tekanan, terutamanya dalam membentuk langkah-langkah sokongan, seperti rancangan pendanaan kontingensi, dasar risiko dan had kuantitatif untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti.

Bukan Sekadar Nisbah dan Keperluan Minimum

Pergantungan yang keterlaluan pada penunjuk yang mudah seperti LDR berkemungkinan besar boleh menimbulkan tingkah laku atau reaksi pasaran yang boleh menjejaskan kestabilan, terutamanya apabila penunjuk tersebut gagal memberikan maklumat tepat mengenai kedudukan kewangan dan strategi pendanaan bank yang kian berubah. Hal ini dapat diperhatikan pada akhir tahun 2015, apabila tumpuan yang terlebih pada LDR menjadi faktor utama yang menyumbang kepada persaingan untuk mendapatkan deposit yang akhirnya mengakibatkan spread antara kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) dengan kadar KLIBOR menyimpang jauh daripada paras purata sejarah. Dalam persekitaran pasaran yang sangat dinamik, pengurusan risiko mudah tunai memerlukan dasar risiko dalaman yang jelas, hubungan yang erat dan berfungsi antara pelbagai fungsi perniagaan dan kawalan serta pelaburan yang mencukupi dalam sistem data dan kecekapan teknikal. Melalui pencapaian yang menyeluruh ini, berserta pematuhan pengawalseliaan yang berkesan, bank-bank akan memastikan daya tahan mereka untuk menghadapi cabaran daripada kitaran perniagaan yang berbeza pada masa akan datang.